

RM3.4 juta MUIP baik pulih, bina rumah asnaf

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Mei 27, 2021 @ 8:11am
bhnews@bh.com.my



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Baitulmal dan Operasi) MUIP, Dr Asmadi Abdul Rahman menyerahkan replika kunci rumah kepada Nurlia Hafieza Abdullah di Kampung Api Larat Mukim Bebar. - Foto MOHD RAFI MAMAT

KUANTAN: Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) membelanjakan lebih RM3.4 juta untuk baik pulih dan bina baharu rumah 249 asnaf di negeri ini sejak tahun lalu.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Baitulmal dan Operasi) MUIP, Dr Asmadi Abdul Rahman berkata, bantuan berkenaan membabitkan sebanyak 238 baik pulih dan 11 bina baharu rumah oleh beberapa kontraktor yang dilantik.

Beliau berkata, daerah Pekan mencatat jumlah terbanyak menerima bantuan berkenaan membabitkan 219 rumah dibaik pulih dan dua bina baharu diikuti Temerloh (37 dibaik pulih), Rompin (33 rumah dibaik pulih, satu bina baharu), Kuantan (22 dibaik pulih, empat bina baharu).

"Setiap permohonan untuk baik pulih termasuk bina baharu rumah perlu melalui MUIP cawangan daerah masing-masing, selepas siasatan dilakukan keputusan akan dibuat oleh jawatankuasa khas.

"MUIP sentiasa memberi perhatian terhadap apa juga permohonan bantuan yang diperlukan golongan asnaf di negeri ini dalam memastikan kehidupan mereka lebih terjamin," katanya selepas menyerahkan rumah bina baharu kepada Nurlia Hafieza Abdullah di Kampung Api Larat Mukim Bebar, di sini.

Rumah bernilai RM50,000 diberi kepada tujuh sekeluarga itu yang sebelum ini terpaksa menumpang rumah keluarga.

Beliau berkata, perbelanjaan baik pulih dan bina baharu rumah yang disediakan MUIP antara RM5,000 hingga RM50,000.

"Kita akan terus berusaha membantu memberi kediaman yang lebih selesa kepada golongan asnaf di negeri ini, kemudahan berkenaan antaratanggungjawab yang digalas MUIP menggunakan wang bayaran zakat masyarakat Islam di negeri ini.

"Dalam tempoh lima bulan tahun ini MUIP membelanjakan lebih RM344,700 untuk baik pulih rumah 21 asnaf di negeri ini, jumlah berkenaan dijangka akan bertambah dua hingga tiga kali ganda hingga akhir tahun ini," katanya.

Sementara itu, Nurlia Hafieza bersyukur dan terima kasih kepada MUIP yang menyediakan kediaman selesa untuk mereka sekeluarga.

"Bantuan berkenaan memberi sinar baharu kepada saya sekeluarga yang sebelum ini menumpang rumah saudara," katanya.